

Jabatan Bendahari UMS contoh universiti awam

UB 12.1.2016 B2

KOTA KINABALU: Penggunaan kad kredit korporat universiti dan sistem i-Claim yang diguna pakai Jabatan Bendahari Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadi contoh kepada universiti-universiti awam di Malaysia.

Ia terbukti apabila baru-baru ini Jabatan Bendahari UMS telah dikunjungi Pejabat Bendahari Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), untuk melihat dan mempelajari sendiri beberapa perkara berkaitan pengurusan kewangan UMS.

Delegasi seramai enam

orang yang diketuai Bendahari UniSZA, Ariza Ibrahim itu berpeluang mendengar taklimat berkenaan pengurusan kewangan yang disampaikan Timbalan Bendahari Kanan Jabatan Bendahari UMS Saima Ismail.

Menurutnya, UMS dipilih kerana ia adalah antara universiti yang telah menggunakan kad kredit korporat secara menyeluruh di semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagai mekanisme untuk tujuan pembelian tiket penerbangan dan tempahan hotel.

“Penggunaan kaedah ini dilihat jauh lebih murah berbanding menggunakan waran,” katanya.

Jabatan Bendahari UMS menggunakan sistem i-Claim sejak Jun 2014 untuk memudahkan kakitangan UMS membuat tuntutan perjalanan secara cepat dan tepat.

I-Claim juga sekali gus menyokong konsep EcoCampus apabila kaedah itu dianggap mampu mengurangkan penggunaan kertas sebagai salah satu langkah penjimatian universiti.



ROMBONGAN UniSZA sempat melawat Muzium UMS.